

Banyak perkara yang disentuh berkaitan dengan indeks kompetitif global dalam menilai semula pencapaian Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12). Dua aspek yang diberikan perhatian dalam indeks tersebut termasuklah kecekapan sektor swasta dan sektor awam. Walaupun Malaysia hanya menduduki tempat ke-27 daripada 64 negara lain, namun begitu apabila perbandingan dibuat antara negara yang berpenduduk lebih 20 juta orang, Malaysia sebenarnya menduduki tempat ke-8 di seluruh dunia hanya di belakang Taiwan, Amerika Syarikat, Kanada, Arab Saudi, Australia, China dan Jerman. Malaysia menduduki tempat kedua di belakang China dari aspek Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) per kapita di bawah USD20 000, manakala Malaysia menduduki tangga keenam, iaitu kedudukan yang lebih baik daripada Korea Selatan, Thailand, New Zealand, Indonesia, Jepun, India dan Filipina di rantau Asia Pasifik.

Prestasi keseluruhan Malaysia agak stabil kecuali pada tahun 2022 disebabkan oleh impak pandemik COVID-19 yang menurunkan prestasi ekonomi negara. Indeks kompetitif adalah berasaskan pada empat aspek, iaitu prestasi ekonomi, kecekapan kerajaan, kecekapan perniagaan dan infrastruktur.

Prestasi dalam Pengurusan Ekonomi

Prestasi ekonomi merujuk pada aspek makroekonomi dalam negeri. Malaysia sebenarnya menduduki tempat ketujuh terbaik di dunia di belakang Ireland, Amerika Syarikat, Singapura, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Qatar dan Arab Saudi dari aspek prestasi ekonomi. Prestasi ini dianggap satu tahap yang cemerlang kerana Malaysia berada pada kedudukan ke-15 bagi tahun 2021. Prestasi itu menunjukkan bahawa Malaysia berjaya dan cemerlang dalam

Penilaian Komprehensif Ekonomi Malaysia 2023



Barjoyai Bardai




menguruskan ekonominya. Prestasi itu dinilai berdasarkan lima aspek, iaitu pengurusan ekonomi dalaman, perdagangan antarabangsa, pelaburan antarabangsa, pengurusan pekerjaan dan kawalan harga.

i. Pengawalan harga


Malaysia mencatatkan prestasi paling cemerlang dalam aspek pengawalan harga dan menduduki tempat pertama di dunia. Namun begitu, kadar inflasi makanan pula merekodkan lebih sekali ganda berbanding dengan kadar inflasi umum. Walaupun kerajaan berjaya mengawal kadar inflasi umum menjadi serendah kurang daripada 2% pada masa ini, rakyat dan isi rumah masih merasakan kesan kenaikan harga barangan dan perkhidmatan disebabkan oleh kadar inflasi makanan yang tinggi. Kadar inflasi bagi makanan bermasak melebihi tiga kali ganda daripada kadar inflasi umum. Oleh itu, kerajaan berhadapan dengan cabaran untuk menurunkan atau sekurang-kurangnya mengawal kadar inflasi makanan supaya menjadi lebih stabil.

ii. Pengurusan perdagangan antarabangsa


Malaysia juga merekodkan prestasi cemerlang dalam aspek perdagangan antarabangsa kerana Malaysia mengamalkan dasar ekonomi terbuka sejak sebelum merdeka. Dalam aspek ini, Malaysia menduduki tempat



Rajah 1 Prestasi keseluruhan Malaysia.



Rajah 2 Prestasi ekonomi Malaysia mengikut subfaktor.



Rajah 3 Tahap kecekapan kerajaan.

ke-14 berbanding dengan 66 buah negara besar dunia seperti negara Sepanyol, Luxembourg, Norway dan Korea Selatan.

iii. Pengurusan ekonomi dalaman

Prestasi Malaysia dalam pengurusan ekonomi dalaman juga cemerlang dengan menduduki tempat ke-16 dengan hanya berada di belakang sedikit dari negara besar seperti Jerman di tempat kedua, Denmark ke-13, Austria ke-14, dan Itali ke-15. Malaysia perlu melakukan sesuatu yang berkesan untuk mengurangkan import dengan menggiatkan lagi industri pergantian import.

Kerajaan perlu mengutamakan usaha untuk mewujudkan industri baharu berkaitan dengan keselamatan makanan dalam pembangunan ekonomi jangka pertengahan. Hal ini akan menjadi strategi serampang dua mata bagi menjamin pembekalan makanan dan pada masa yang sama mengurangkan import makanan yang kini mencecah lebih RM77 bilion setahun.

iv. Pengurusan pekerjaan dalam ekonomi

Malaysia menduduki tempat ke-21 dalam aspek pengurusan pekerjaan dalam ekonomi di belakang negara terbaik seperti Qatar, Singapura,

Korea Selatan, Australia, Mexico, dan Peru. Sektor ini masih memerlukan perhatian khusus daripada kerajaan. Hal ini dikatakan demikian kerana Malaysia perlu mengkaji secara kritikal aspek peningkatan kemahiran dan pembinaan kemahiran baharu kerana lebih 70% tenaga kerja di Malaysia hanya mempunyai kululusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Hal ini menjadikan mereka termasuk dalam kumpulan tenaga kerja tidak mahir atau kurang mahir daripada jumlah lebih 16 juta warga kerja di Malaysia.


Pada masa yang sama, Malaysia perlu menangani isu tenaga kerja warga asing yang hampir menjadi satu krisis negara. Walaupun angka secara rasmi hanya merekodkan 2.5 juta pekerja asing di Malaysia, tetapi angka tidak rasmi dianggarkan jumlah pekerja asing melebihi enam juta orang. Hal ini telah menyebabkan timbulnya isu berkaitan dengan majikan yang lebih memilih pekerja asing kerana kadar gaji yang rendah dan isu kesejahteraan hidup warga asing serta impak kos sosial warga asing perlu ditangani dengan serius.

v. Pengurusan pelaburan antarabangsa

Pelaburan antarabangsa meliputi aspek insentif pelaburan dan penyediaan persekitaran pelaburan yang sesuai serta persekitaran untuk pelaburan jangka pendek dan sederhana seperti pasaran modal dan pelaburan. Malaysia merekodkan prestasi paling lemah dalam aspek pelaburan antarabangsa dengan menduduki kedudukan ke-29 di belakang negara Asia lain seperti Hong Kong, Singapura, dan Jepun. Kerajaan perlu memberikan perhatian khusus terhadap aspek ini dalam pengurusan ekonomi Malaysia.

Sektor Awam di Malaysia

Prestasi pengurusan sektor ekonomi turut merujuk kepada kejayaan polisi kerajaan mewujudkan persekitaran yang sesuai untuk semua dan menjadikannya kompetitif di mata pelabur antarabangsa.



Malaysia menduduki tempat ke-29 dalam aspek pengurusan kerajaan. Negara yang merekodkan prestasi terbaik dalam aspek ini termasuklah Switzerland, Hong Kong, Ireland, Qatar, Denmark, Taiwan, Singapura, UAE dan Norway. Kedudukan Malaysia sebenarnya berlegar di sekitar tangga 30-an sejak empat tahun yang lepas. Pada tahun 2019 (sebelum berlakunya kegawatan ekonomi), Malaysia pernah menduduki tangga ke-24. Lima indikator yang digunakan untuk mengukur prestasi Malaysia dalam aspek ini termasuklah kewangan awam, polisi cukai, kerangka institusi, perundangan perniagaan dan kerangka sosial.

a) Pengurusan polisi cukai

Dalam aspek pengurusan sektor awam, Malaysia merekodkan prestasi terbaik dalam aspek polisi cukai dengan menduduki tempat ke-10 pada tahun 2023 berbanding dengan negara terbaik dunia seperti Bahrain, Qatar, Hong Kong, UAE, Kuwait, Kazakhstan, Taiwan, dan Indonesia. Prestasi Malaysia lebih


baik daripada Singapura yang menduduki tangga ke-12, manakala Arab Saudi di tempat ke-11.

Jika dilihat kedudukan teratas, negara Teluk mendominasi disebabkan oleh pemberian insentif cukai dan mengecualikan cukai kepada penduduk tempatan dan warga asing di negara mereka. Pakej insentif dan sistem percukaian Malaysia masih perlu diperbaiki agar lebih menonjol berbanding dengan negara jiran seperti Indonesia. Kutipan cukai di Malaysia perlu ditingkatkan tetapi perlu dilakukan secara berhati-hati supaya tidak mewujudkan beban tambahan terhadap kumpulan berpendapatan rendah. Kerajaan juga perlu menumpukan perhatian terhadap cukai yang dikenakan kepada kumpulan peniaga korporat dan individu berpendapatan tinggi yang kini dilihat agak longgar.

b) Pengurusan kerangka institusi

Malaysia menduduki tangga ke-29 dalam aspek kerangka institusi. Kedudukan ini membayangkan prestasi institusi kerajaan dan sektor awam berada pada tahap sederhana seiring dengan Jepun yang berada di tangga ke-28, Chile ke-30, Lithuania ke-32 dan Thailand ke-34. Prestasi Malaysia sebenarnya jauh lebih baik daripada Indonesia yang berada di tangga ke-39 dan Filipina ke-56. Negara Asia yang merekodkan prestasi terbaik dalam aspek ini ialah Singapura yang berada di tangga ketujuh dan Hong Kong ke-11. Malaysia masih ketinggalan jauh daripada tangga teratas yang didominasi oleh negara Eropah seperti Switzerland, Denmark, Finland, Belanda, dan Sweden.

Masih banyak aspek kerangka institusi yang



Rajah 4 Kecekapan perniagaan Malaysia.

perlu diberi perhatian dan diperbaiki oleh pihak kerajaan. Hal ini sudah tentu memerlukan keberanian untuk merombak struktur dan kerangka sektor awam yang sudah berakar umbi sejak sebelum kemerdekaan lagi.

c) Pengurusan kewangan (pembiayaan) awam

Malaysia merekodkan prestasi sederhana dalam aspek pembiayaan awam dengan menduduki tempat ke-33. Aspek ini berkaitan rapat dengan pengurusan pendapatan negara, belanjawan kerajaan, pinjaman kerajaan dan pengurusan syarikat milik kerajaan (G) atau syarikat berkaitan dengan kerajaan (GLC). Prestasi Malaysia adalah seiring dengan negara yang sedang membangun seperti Venezuela di tangga ke-29, Lithuania di tangga ke-30, UAE di tangga ke-31 dan Peru di tangga ke-32. Prestasi Malaysia lebih baik daripada Cyprus yang berada di tangga ke-34, Belgium di tangga ke-35 dan Turkiye yang berada di tangga ke-36. Negara yang merekodkan prestasi terbaik dalam aspek ini termasuklah Norway, Qatar, Arab Saudi, Switzerland, Denmark, Taiwan, Ireland, Hong Kong, dan Singapura.

d) Pengurusan perundangan perniagaan

Malaysia menunjukkan prestasi yang sangat

Sistem perlindungan sosial di negara maju dibentuk bagi melindungi isi rumah terutama golongan kelas pekerja.

mengecewakan dalam aspek perundangan perniagaan. Aspek ini berkaitan dengan latar belakang dan persekitaran perundangan yang memenuhi kehendak industri dan sektor swasta. Terdapat beberapa infrastruktur yang berkaitan dengan pelaksanaan undang-undang antarabangsa yang masih memerlukan tumpuan khusus dalam proses pembangunan ekonomi.

e) Pengurusan kerangka sosial

Aspek ini berkaitan dengan usaha perlindungan sosial bagi memastikan kesejahteraan isi rumah. Sistem perlindungan sosial di negara maju dibentuk bagi melindungi isi rumah terutama golongan kelas pekerja. Jika ada individu yang

kehilangan pekerjaan atau kehilangan pendapatan, mereka boleh mendapat elaun mingguan daripada institusi ini. Institusi seperti ini tidak wujud di Malaysia kerana pihak kerajaan menggunakan mekanisme lain untuk melindungi kelas pekerja.

Pihak kerajaan menubuhkan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) untuk melindungi kumpulan pekerja bawahan. Namun begitu, perlindungan yang diberikan oleh kedua-dua institusi ini terhad dan tidak meliputi semua isi rumah di Malaysia. Keupayaannya juga terbatas kepada caruman oleh setiap kakitangan dan majikan terhadap institusi ini pada setiap bulan.

Kecekapan Perniagaan

Prestasi kecekapan perniagaan merujuk kepada kejayaan sektor swasta beroperasi pada tahap paling inovatif, menguntungkan dan bertanggungjawab.

Malaysia menduduki tempat ke-32 dalam senarai 66 buah negara dalam aspek ini. Kecekapan ini diukur berdasarkan aspek produktiviti, pasaran buruh, kewangan, praktis pengurusan, tingkah laku dan nilai. Secara keseluruhan, penilaian ini melibatkan ukuran daya maju sektor perniagaan. Prestasi sektor perniagaan tidak konsisten di Malaysia dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini. Malaysia menduduki tangga ke-18 pada tahun 2019 (sebelum kegawatan), turun ke tangga ke-29 pada tahun 2020 (sewaktu kegawatan), kemudian meningkat ke tangga ke-24 pada tahun 2021. Namun begitu, prestasi Malaysia kemudian merudum semula ke tangga ke-38 pada tahun 2022.

Pada tahun 2023, Malaysia merekodkan prestasi seiring

dengan negara yang berikut berdasarkan kedudukan masing-masing. Australia berada di tangga ke-30, Kazakhstan di tangga ke-31, Korea Selatan di tangga ke-33, United Kingdom di tangga ke-34, New Zealand di tangga ke-35, Jordan di tangga ke-36, dan Sepanyol di tangga ke-37. Pada peringkat Asia, Malaysia tertinggal jauh dari Taiwan, Singapura, Hong Kong, Indonesia, China, dan Thailand. Negara yang merekodkan prestasi terbaik dalam aspek ini termasuklah Denmark, Belanda dan Ireland. Malaysia merekodkan prestasi sederhana dalam aspek kecekapan dan produktiviti (ke-36), pasaran buruh (ke-30), kewangan (ke-32), praktis pengurusan (ke-31) serta kelakuan dan nilai (ke-34).

- **Pengurusan produktiviti dan kecekapan**

Aspek ini memberikan petunjuk tentang kadar produktiviti perniagaan dan pekerja secara relatif. Malaysia merekodkan prestasi sederhana dalam aspek ini sebaris dengan negara seperti Sepanyol yang berada di tangga ke-30, United Kingdom di tangga ke-33, Slovakia di tangga ke-34, Portugal di tangga ke-35 dan Romania di kedudukan ke-37. Pada peringkat Asia pula, kedudukan Malaysia lebih baik berbanding dengan Thailand yang berada di tangga ke-38, Indonesia di tangga ke-42, Filipina di tangga ke-52 tetapi jauh ketinggalan dengan Singapura, Taiwan, Hong Kong, dan China. Negara yang merekodkan prestasi terbaik dalam aspek ini termasuklah Denmark, Ireland, Belanda dan Belgium.

Peningkatan produktiviti perlu menjadi keutamaan negara kerana indikator tersebut akan menjadi strategi serampang dua mata bagi meningkatkan

prestasi perniagaan dan meningkatkan pendapatan isi rumah. Kerajaan harus menggalakkan sektor awam dan swasta untuk mengambil bahagian dalam Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) demi meningkatkan produktiviti dan kecekapan. Pihak industri di Malaysia memerlukan sokongan kerajaan bagi menjana modal untuk pelaburan dalam teknologi baharu dan melatih pekerja dalam IR4.0.

- **Pengurusan pasaran buruh**

Pasaran buruh di Malaysia berkembang dengan agak pesat tetapi mengabaikan kumpulan pekerja tidak mahir yang terdiri daripada lebih 70% warga pekerja di Malaysia. Malaysia menduduki tempat ke-30 dalam aspek pengurusan pasaran buruh. Negara yang merekodkan prestasi cemerlang dalam aspek ini termasuklah Indonesia, Belanda, Qatar, Singapura, dan Bahrain.

Prestasi Malaysia sebenarnya jauh lebih baik dari Jepun dan United Kingdom. Beberapa negara seperti Ireland, Belanda, Denmark dan Finland merupakan negara yang merekodkan prestasi cemerlang dalam semua bidang dan boleh dijadikan model dan penanda aras prestasi negara pada tahun mendatang.

- **Pengurusan kewangan**

Pengurusan kewangan merupakan aspek penting bagi menentukan kecekapan kerana semua aspek ekonomi melibatkan wang ringgit. Pengurusan kewangan meliputi aspek pembiayaan korporat. Malaysia menduduki

tempat ke-32 sebaris dengan beberapa negara maju seperti Austria yang berada di ke-34 dan Estonia di tangga ke-33.

Malaysia dilihat masih berupaya untuk menguruskan kewangan dengan baik walaupun ketinggalan jauh daripada prestasi negara maju lain. Pengurusan kewangan perlu meliputi aspek pengurusan kecairan bagi memastikan peniaga boleh mengamalkan kaedah kewangan yang mantap dan memenuhi peraturan awam.

- **Praktis pengurusan**

Pengurusan adalah satu seni mentadbir syarikat walaupun cuba direka bentuk secara saintifik. Malaysia menduduki tangga ke-31 dalam aspek ini. Prestasi ini seiring dengan China, Jerman, Korea Selatan, Itali, dan Perancis. Kedudukan Malaysia lebih baik daripada Korea Selatan, Itali, Jepun, India, dan Kuwait. Negara yang merekodkan prestasi terbaik dalam aspek ini termasuklah Denmark, Belgium, Taiwan, Iceland, dan Ireland. Malaysia perlu cuba mencontohi negara maju baharu seperti Taiwan, Iceland dan Ireland tentang pembaharuan besar yang dilakukan dalam faktor praktis pengurusan bagi mencapai matlamat sebagai negara maju.

- **Pencapaian dalam pengurusan kelakuan dan nilai**

Aspek kelakuan merupakan aspek paling abstrak untuk dikaji kerana melibatkan persepsi dan dipengaruhi oleh latar belakang, sejarah, persekitaran, budaya dan cara hidup. Nilai juga dipengaruhi oleh elemen keagamaan. Dalam sektor perniagaan,

aspek ini ditentukan oleh latar belakang pengurus dan pemimpin syarikat. Malaysia menduduki tangga ke-34 dalam aspek ini seiring dengan negara seperti Australia, Greece, United Kingdom, Itali, Portugal, New Zealand, dan Amerika Syarikat.

Prestasi Malaysia lebih baik daripada negara maju lain termasuklah Austria, Jepun dan Perancis. Terdapat suatu yang menarik tentang perbandingan prestasi negara ini kerana negara bertamadun tinggi agak ketinggalan di belakang dalam aspek ini. Negara yang merekodkan prestasi terbaik termasuklah Ireland, Arab Saudi, Iceland, dan Denmark. Malaysia perlu mencontohi dan mengkaji prestasi negara maju baharu seperti Ireland, Arab Saudi dan Iceland demi meningkatkan prestasi pada masa akan datang.

Prestasi Penyediaan Infrastruktur

Aspek ini merujuk kewujudan kemudahan asas, teknologi yang sesuai dan sumber tenaga yang memenuhi keperluan perniagaan. Malaysia menduduki tangga ke-35 dalam aspek ini. Prestasi ini seiring dengan negara seperti Qatar, Arab Saudi, Slovenia, Bahrain dan Hungary. Pada peringkat Asia, Malaysia ketinggalan di belakang Jepun, Hong Kong, Taiwan, dan Singapura. Walau bagaimanapun, Malaysia

Malaysia merekodkan prestasi paling baik pada tangga kelapan dalam aspek infrastruktur asas.

mengatasi negara jiran termasuklah Thailand, Indonesia, India, dan Filipina.

Kedudukan Malaysia jauh ketinggalan dari negara yang terbaik dalam aspek ini seperti Switzerland, Jerman, Finland, Sweden, Belanda, Amerika Syarikat, Iceland, dan Norway. Lima indikator yang diukur dalam aspek ini termasuklah infrastruktur asas, infrastruktur teknologi, infrastruktur saintifik, kesihatan, serta persekitaran dan pendidikan.

❖ Infrastruktur asas

Malaysia merekodkan prestasi paling baik pada tangga kelapan dalam aspek infrastruktur asas. Infrastruktur asas ini meliputi kemudahan lebuh raya, pengangkutan awam, kemudahan utiliti, pelabuhan dan kawasan perindustrian yang

cukup. Malaysia berjaya mengatasi negara maju seperti United Kingdom, Jepun, Israel, Taiwan, New Zealand, Jerman, Perancis, Korea Selatan, Amerika Syarikat, China, Luxembourg, Austria, Australia, dan Kanada. Dalam aspek ini, Malaysia hanya terkebelakang sedikit daripada negara terbaik seperti Qatar, UAE, Denmark, Iceland, Hong Kong, dan Belanda.


❖ Infrastruktur teknologi

Malaysia menduduki tempat ke-16 dalam aspek mewujudkan infrastruktur teknologi yang baik. Pencapaian ini lebih baik daripada negara maju lain seperti Luxembourg, Kanada, Arab Saudi, UAE, Sepanyol, Norway, Qatar, dan Korea Selatan. Prestasi Malaysia berada bawah di sedikit daripada Perancis, Ireland dan China. Malaysia masih perlu menambah infrastruktur teknologi khususnya yang berkaitan dengan IR 4.0 dan IR 5.0. Hal ini bagi mengejar kemajuan negara maju lain dalam aspek ini.

Negara yang mencatatkan prestasi terbaik dalam aspek ini termasuklah Belanda, Denmark, Singapura, Hong Kong, dan Switzerland.

❖ Infrastruktur saintifik

Malaysia menduduki tempat ke-31 dalam aspek infrastruktur saintifik. Pencapaian ini dilihat ketinggalan jauh berbanding dengan pencapaian yang dicatatkan dalam infrastruktur asas dan teknologi. Besar kemungkinan, kekurangan kepakaran dan kegunaan infrastruktur ini menyebabkan pihak kerajaan kurang memberi perhatian dalam aspek tersebut.



Rajah 5 Prestasi penyediaan infrastruktur.



Kedudukan Malaysia dalam aspek ini hampir seiring dengan negara maju lain seperti Iceland, Luxembourg, Slovenia, Poland, UEA, Brazil, Turkiye, dan Thailand. Pencapaian Malaysia pada peringkat Asia pula adalah lebih baik dari Thailand, Indonesia dan Filipina. Namun begitu, Malaysia masih jauh tertinggal daripada negara yang terbaik dalam pembangunan infrastruktur saintifik seperti Amerika Syarikat, Korea Selatan, Jerman, Switzerland, Sweden, dan Jepun.

❖ **Infrastruktur kesihatan dan persekitaran**

Malaysia giat membangunkan infrastruktur kesihatan dengan menambah bilangan hospital awam dan swasta, membina kepakaran serta kemudahan rawatan. Selain itu, pihak kerajaan juga membeli banyak peralatan kesihatan terkini demi kepentingan dan

kesejahteraan rakyat. Malaysia menduduki tangga ke-42 dalam aspek ini kerana Malaysia masih mempunyai banyak klinik dan hospital yang telah uzur. Namun begitu, pencapaian Malaysia tinggi sedikit berbanding dengan negara Asia lain seperti Thailand, Filipina, India, dan Indonesia. Negara yang merekodkan prestasi terbaik dalam aspek ini termasuklah Switzerland, Iceland, Denmark, Sweden, Finland, dan Norway.

❖ **Pendidikan**

Pendidikan merupakan sektor yang sangat penting bagi Malaysia. Sektor ini bukan sahaja menyediakan kepakaran baharu dan pusat penyelidikan tetapi juga menjadi sumber eksport penting bagi Malaysia. Prestasi Malaysia dalam aspek ini tidak begitu cemerlang. Malaysia menduduki tangga ke-45 daripada 66 negara yang disenaraikan. Kedudukan ini hampir seiring

dengan negara seperti Jordan, Turkiye, Slovakia, Hungary, Kuwait, Qatar, dan Bahrain.

Negara yang mencatatkan prestasi terbaik dalam aspek ini termasuklah Switzerland, Denmark, Belgium, Iceland, Finland, Luxembourg, dan Belanda. Hasil kajian yang dijalankan terhadap 6600 responden dari seluruh dunia menggunakan borang soal selidik menghasilkan beberapa penemuan tentang perkembangan dan prospek ekonomi Malaysia. Yang berikut menunjukkan kekuatan dalam ekonomi Malaysia yang perlu dikekalkan dan ditambah baik:

- Kompetenif dalam kos pengeluaran.
- Persekitaran perniagaan yang positif.
- Infrastruktur yang kukuh.
- Tenaga kerja mahir.
- Dinamik dalam ekonomi.
- Tingkah laku dan minda terbuka dan positif.

Walau bagaimanapun, terdapat perkara yang membayangkan kelemahan ekonomi Malaysia yang perlu

ditangani segera. Antaranya termasuklah:

- Persekitaran perundangan yang berkesan.
- Polisi yang stabil dan boleh diramal.
- Tahap pendidikan yang tinggi.
- Kemudahan mendapat pembiayaan.
- Rejim cukai yang kompetitif.
- Kerajaan yang kompetitif.
- Kualiti tadbir urus korporat.
- Hubungan industri yang berkesan.
- Budaya R&D yang kukuh.

Kajian semula RMK-12 yang dilakukan oleh Perdana Menteri secara khusus mengesyorkan beberapa sasaran seperti yang berikut:

Memantapkan Perkhidmatan Awam

Dalam usaha untuk memantapkan penyampaian perkhidmatan awam, tumpuan perlu diberikan bagi mencapai matlamat yang berikut:

- i. Membangunkan penjawat awam berprestasi tinggi.
- ii. Memajukan pendekatan keseluruhan kerajaan.
- iii. Meningkatkan belanjawan dan pengurusan projek.

Langkah yang perlu diambil termasuklah;

- i. Meningkatkan pengurusan sumber manusia.
- ii. Pentadbiran kerajaan dan kecekapan operasi.

- iii. Memperkemarkan institusi.
- iv. Memperkukuhkan tadbir urus termasuk integriti dan ketelusan.
- v. Meningkatkan keberkesanan pelaksanaan projek.

Cabaran yang perlu dihadapi termasuklah;

- i. Tadbir urus yang lemah.
- ii. Kekangan dalam pembangunan modal insan dan pendigitalan.
- iii. Persekitaran yang tidak kondusif untuk perniagaan.
- iv. Ruang fiskal yang terhad.
- v. Pengurusan projek yang tidak cekap.

Keperluan Melonjakkan Sektor Swasta

Bagi melonjakkan prestasi sektor swasta, beberapa cadangan khusus telah dikemukakan, iaitu:

- i. Membangun industri inisiatif pertumbuhan dan nilai tinggi (HGHV) berasaskan digital dan teknologi.
- ii. Mempercepat pendigitalan melalui pembangunan teknologi kerajaan.
- iii. Mempercepat pelaksanaan identiti Digital Nasional.
- iv. Melaksanakan program kepimpinan dan peningkatan kemahiran digital peringkat kebangsaan.

- v. Memperkukuh ekosistem permulaan teknologi dengan memberi tumpuan terhadap pelabur dan pembiayaan benih.
- vi. Memperkukuh program INNOVATHON sebagai platform untuk menggalakkan inovasi.

Industri Elektrik dan Elektronik (E&E) Bernilai Tinggi


- i. Memperkukuhkan ekosistem pembuatan bahagian hadapan untuk mempercepat peralihan industri ke arah rantai nilai yang lebih tinggi.
- ii. Memberikan penekanan terhadap aktiviti tambah nilai tinggi dalam reka bentuk litar bersepadu, reka bentuk kejuruteraan dan fabrikasi wafer.
- iii. Meningkatkan pelaburan berkualiti yang mengutamakan teknologi canggih.

Pertanian dan Industri Asas Tani

- i. Memperkukuhkan pemodenan dalam sektor pertanian melalui pelaburan swasta bagi mempercepatkan penggunaan teknologi pertanian pintar.
- ii. Mempelbagaikan industri asas tani bagi mengurangkan kebergantungan terhadap import makanan.
- iii. Menggalakkan amalan pertanian rendah karbon.
- iv. Perluaskan pelaksanaan program Inisiatif Usahawan Tani (INTAN) di bawah program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) sebagai strategi memperkukuh rantaian bekalan makanan dan meningkatkan pendapatan.

Industri Nadir Bumi

- i. Membangunkan model perniagaan yang komprehensif untuk nadir bumi yang meliputi



Rajah 6 Penambahbaikan yang perlu dilaksanakan oleh Malaysia.



huluan, pertengahan dan hiliran.

- ii. Menyediakan pemetaan terperinci sumber nadir bumi di negeri yang mempunyai sumber nadir bumi yang berpotensi.
- iii. Menyemak semula Dasar Mineral Negara untuk menyokong dan menetapkan hala tuju industri mineral termasuk nadir bumi.
- iv. Meningkatkan penyediaan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D & C&I) untuk menggalakkan output dan produk nadir bumi tempatan.

Memperkasakan PMKS dan Perusahaan Sosial

- i. Mengintegrasikan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dalam rantaian bekalan domestik dan global.
- ii. Menggalakkan pembiayaan alternatif untuk PMKS.
- iii. Mempercepatkan pertumbuhan

produktiviti PMKS melalui penggunaan teknologi.

- iv. Meningkatkan PMKS melalui usaha pintar.
- v. Menggalakkan perusahaan sosial untuk menceburi projek keusahawanan sosial yang inovatif.
- vi. Mengoptimumkan potensi wakaf untuk pembangunan perusahaan.

Memperkemas Rangkaian Pengangkutan Awam

- i. Meningkatkan kesalinghubungan melalui pengembangan perkhidmatan Bas Rapid Transit (BRT) dan bas antara bandar.
- ii. Memperkukuh data mobiliti penumpang.
- iii. Meningkatkan aksesibiliti dan kesalinghubungan untuk memudahkan pergerakan masyarakat dan barangan yang lebih baik.
- iv. Melaksanakan penerbangan hijau dengan meningkatkan

kecekapan pengurusan trafik udara.

Bakat Tersedia Masa Hadapan

- i. Melaksanakan dasar gaji progresif.
- ii. Mempercepat pelaksanaan levi pelbagai peringkat.
- iii. Meningkatkan kemahiran berterusan dan latihan semula.
- iv. Memperkenalkan program akademi dalam industri sebagai platform kerjasama kerajaan dan industri.

Semua saranan yang disarankan dalam Kajian Separuh Pengal RMK-12 ini cukup bernas dan sedia untuk dilaksanakan. Namun begitu, timbul persoalan adakah sektor awam negara sebagai badan pelaksana melaksanakannya secepat mungkin untuk mendapatkan kesan dan hasil yang diharapkan? Sama-sama kita nantikan. ^{END}

Profesor Emeritus Dr. Barjoiy Bardai, Pensyarah Sekolah PERNIAGAAN SISWAZAH, Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK).